PP 10548/8/2005

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 1 2005

SPANCO turut bantu MANGSA TSUNAMI

Dato' Hamzah Mohd Salleh (kanan) menyerahkan cek sumbangan mangsa tsunami kepada Ketua Pegawai Eksekutif ntv7 Dato' Shazalli Ramly

Tanggungjawab kita sebagai pemandu

ISSN 1675-1361
9 771675 136103

SMS ALERT SYSTEM

Maklumat Status Servis Melalui SMS

TERKINI Pelanggan SPANCO akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) mengenai pembaikan kereta yang telah siap sedia untuk diambil di Pusat Servis.

SMS ALERT SYSTEM adalah sistem pemberitahuan status pembaikan kereta secara automatik melalui SMS yang diperkenalkan oleh SPANCO Services Sdn Bhd bermula 1 Mac.

Dengan **SMS ALERT SYSTEM,** pelanggan menikmati kemudahan yang:

- ✓ Pantas dan cekap
- ✓ Ringkas dan tepat
- ✓ Kos efektif
- ✓ Khidmat komunikasi yang lebih peribadi

Prosedur untuk menikmati perkhidmatan SMS terbaru itu:

1. Pelanggan memaklumkan nombor telefon bimbit semasa berurusan di kaunter perkhidmatan.
2. Pemberitahuan melalui SMS akan dibuat setelah kerja pembaikan siap dilakukan.
3. Pemberitahuan ulangan akan dibuat selepas 6 jam daripada pemberitahuan pertama (waktu kerja).
4. Pemberitahuan berikutnya akan dibuat pada keesokan hari (waktu kerja).

ISO 9001 : 2008 Reg. No. 059-A
CERTIFICATE NO. AJA 99/1967

* *Buat permulaan, SMS ALERT SYSTEM hanya diperkenalkan di Pusat Servis SPANCO Segambut sahaja.*

Prihatin
BERITA SPANCO

SPANCO

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Rozita Dawan
Mohd Wazir Ahmad Kassim
Rusman Bassri
Sharon Ng

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

PENCETAK
Percetakan Lai Sdn. Bhd.

Sila alamatkan segala pandangan, komen dan sumbangan anda ke:

SIDANG REDAKSI PRIHATIN BERITA SPANCO
SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
2, Jalan Murai Dua,
51100 Kuala Lumpur
Tel : 03-6253 2888
Fax : 03-6253 6230
emel : prihatin@spanco.com.my

PRIHATIN – BERITA SPANCO bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya sama ada rencana atau kartun.
Tip pemanduan dan penjagaan kereta adalah sangat dialu-alukan.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Redaksi berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Jilid 1, 2005 *Januari – Mac*

kandungan

PERUTUSAN
4 Melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan

KORPORAT
6 SPANCO turut bantu mangsa tsunami
8 Kadar kos pembaikan kemalangan meningkat

KESELAMATAN
10 Peranan dan tanggungjawab pelbagai organisasi dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya
12 Tanggungjawab kita sebagai pemandu
14 Petua mudah letak kereta

PERLINDUNGAN
16 Samun kereta – elak diri menjadi mangsa
18 20 tip keselamatan untuk wanita di tempat letak kereta

KESIHATAN
20 Petua mudah menjaga kesihatan jantung anda

TEKNOLOGI
22 Perdana V6 (EV) versi dipertingkatkan

Melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan

KEJAYAAN sesebuah organisasi turut terletak pada perhubungan yang dijalinkan dengan masyarakat setempat dalam usaha membangun dan membantu masyarakat itu.

Justeru atas rasa prihatin dan percaya bahawa kebajikan masyarakat adalah tanggungjawab sosial yang perlu dipikul bersama warga korporat, SPANCO sama-sama tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa tragedi ombak besar tsunami yang terjadi penghujung tahun lalu.

Pihak pengurusan, rakan sekerja dan pembekal SPANCO sama-sama berganding bahu mengumpulkan dana selain bantuan makanan, pakaian dan ubatan. Sumbangan kecil itu diharap dapat membantu meringankan beban mangsa yang ternyata kehilangan segala-galanya termasuk orang yang dicintai.

Tanggungjawab sosial yang ditunjukkan oleh masyarakat dan warga korporat Malaysia secara proaktif dalam tragedi itu sememangnya satu usaha yang harus dipuji dan diteruskan. Ia selari dengan aspirasi nasional untuk membentuk 'Masyarakat Penyayang'.

Selain komitmen kemasyarakatan, tanggungjawab terhadap pelanggan juga sama pentingnya. Ini kerana kewujudan SPANCO sebagai sebuah organisasi yang berdaya maju terletak pada pelanggan – ringkasnya, tanggungjawab kami adalah memenuhi kehendak anda.

Untuk itu kami akan memastikan setiap kenderaan konsesi berada dalam keadaan yang terbaik dan diservis oleh rakan sekerja kami yang mahir. Selain itu kami akan sentiasa komited memperting-katkan perkhidmatan, antaranya melalui khidmat nilai tambah seperti *SMS Alert System* dan perkhid-matan dalam talian *(on-line)* yang diperkenal-kan baru-baru ini.

tanggungjawab kami juga membantu pelanggan menjadi pengguna dan pemandu yang mahir, berpengetahuan serta bermaklumat

Ke arah organisasi berorientasikan pelanggan, tanggungjawab kami juga membantu pelanggan menjadi pengguna dan pemandu yang mahir, berpengetahuan serta bermaklumat melalui artikel yang dipaparkan dalam setiap keluaran majalah PRIHATIN.

Antara yang dipaparkan dalam keluaran kali ini ialah petua mudah letak kereta, tip elak menjadi mangsa samun kereta dan panduan keselamatan di tempat letak kereta

SPANCO akan terus memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan kami juga percaya pelanggan kami akan memainkan peranan mereka dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

yang pastinya dapat meningkatkan kemahiran anda sebagai pengguna jalan raya.

Pada masa yang sama pihak pelanggan juga turut memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab bersama. Tanggungjawab mereka sebagai pengguna dengan tidak mengabaikan aspek penjagaan harian kenderaan yang digunakan, sentiasa mematuhi peraturan jalan raya, memastikan jumlah saman pada tahap yang minimum dan mengamalkan sifat sabar serta bertolak ansur ketika memandu.

Ringkasnya, SPANCO akan terus memainkan peranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan kami juga percaya pelanggan kami akan memainkan peranan mereka dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pengarah Eksekutif



SPANCO turut bantu mangsa tsunami

PRIHATIN... Ketua Pengarah Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh (kanan) menyerahkan cek berjumlah RM100,000 kepada Ketua Pegawai Eksekutif ntv7, Dato' Shazalli Ramly, pada majlis penyerahan sumbangan.

OMBAK gergasi tsunami yang melanda negara di Asia selatan selain Indonesia, Thailand dan Malaysia pada 26 Disember lalu sesungguhnya adalah satu peristiwa yang tidak dapat kita lupakan. Bencana itu memusnahkan tamadun, bandar dan perkampungan. Walaupun sudah beberapa bulan berlaku tetapi kita masih tidak mampu memadamkan kenyataan betapa bencana alam itu menyebabkan kemusnahan yang sangat buruk dan di luar jangkauan pemikiran kita.

Ratusan ribuan nyawa terkorban manakala masih ramai lagi yang dilaporkan hilang dan ratusan ribu lagi penduduk yang terselamat kehilangan punca pendapatan dan tempat tinggal termasuk di Malaysia.

Sejurus kejadian, ramai yang tampil menghulurkan bantuan termasuk kalangan individu, pertubuhan politik, institusi pengajian tinggi, media, badan bukan kerajaan dan syarikat swasta. Pada 31 Disember, SPANCO tampil menghulurkan bantuan berjumlah RM100,000 untuk diisi dalam dana Program

Bantuan Ehsan Mangsa Tsunami Luar Negara. Cek sumbangan itu diserahkan oleh Ketua Pengarah Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh, kepada Ketua Pegawai Eksekutif ntv7, Dato' Shazalli Ramly. Stesen televisyen itu bertindak sebagai pusat mengumpul bantuan dan derma.

Hasilnya sejumlah RM22,289 berjaya dikumpulkan daripada rangkaian pusat servis diiktiraf (PSD) dari seluruh negara, selain pihak pembekal dan kakitangan SPANCO sendiri.

Daripada jumlah itu, RM50,000 untuk Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) manakala RM50,000 lagi untuk MERCY Malaysia.

Selain itu, SPANCO terbabit dalam 'Konsert Kasih - Tangan Yang Memberi' anjuran Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dengan kerjasama beberapa syarikat media massa yang diadakan di Panggung Sari, Istana Budaya di ibu negara, pada 17 dan 18 Januari lalu.

SPANCO adalah salah satu daripada enam badan korporat utama yang menderma pada malam itu. Selain menghulurkan sumbangan yang juga berjumlah RM100,000, SPANCO tidak ketinggalan membeli tiket untuk menyaksikan persembahan itu bernilai RM10,000.

Malam Gala itu diserikan dengan kehadiran isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, sebagai tetamu kehormat. Di samping itu, Konsert Kasih membariskan artis popular tanah air dengan iringan Orkestra Simfoni Kebangsaan. Semua derma dan hasil kutipan jualan tiket pada malam itu diserahkan kepada Tabung Tsunami Malaysia.

Akhir sekali, rakan sekerja SPANCO sendiri turut menubuhkan sebuah tabung khas sebaik saja berita tragedi dilaporkan. Hasilnya sejumlah RM22,289 berjaya dikumpulkan daripada rangkaian pusat servis diiktiraf (PSD) dari seluruh negara, selain pihak pembekal dan kakitangan SPANCO sendiri. Semua cek yang dikumpulkan itu diserahkan kepada PBSM dan MERCY Malaysia.

Semua sumbangan itu adalah sebagai tanda keprihatinan SPANCO terhadap mereka yang memerlukan. SPANCO berharap dengan sedikit bantuan yang dihulurkan itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa tsunami yang sehingga hari ini masih kita ratapi dan rasai kesedihannya.

BERHIBUR SAMBIL MENDERMA... Kira-kira RM1.8 juta berjaya dikumpulkan pada malam amal Konsert Kasih di mana SPANCO adalah salah satu dari pendermanya. Gambar ihsan Utusan Melayu (M) Berhad.

GIGIH... Pengurus Kawalan Fleet, Encik Peter Lim (tengah) memerhatikan rakan sekerja di Ibu Pejabat SPANCO mengira jumlah cek yang dikumpulkan dari pusat servis dan pembekal untuk tabung mangsa tsunami.

Kadar kos pembaikan kemalangan meningkat

Purata kos pembaikan kemalangan fleet SPANCO bagi 2004 meningkat berbanding sebelumnya walaupun jumlah kemalangan menurun



PERBANDINGAN JUMLAH KEMALANGAN DAN JUMLAH FLEET KERAJAAN PERSEKUTUAN SELIAAN SPANCO

KADAR kemalangan fleet Kerajaan Persekutuan di bawah penyeliaan SPANCO bagi 2004 didapati menurun berbanding tahun sebelumnya. Sistem Pengurusan Fleet Berkomputer (SIKOM) mencatatkan 1,833 kes kemalangan dilaporkan untuk fleet yang berjumlah 4,951 buah bagi 2004, dan 2,311 kes untuk 4,750 buah bagi 2003.

Bagaimanapun prestasi yang bertambah baik itu tidak boleh dianggap satu pencapaian sebenar kerana purata pembaikan setiap kemalangan didapati meningkat. SIKOM mendedahkan kos pembaikan dan tuntutan kemalangan fleet adalah RM6.6 juta untuk 2004 dan RM7 juta untuk 2003.

Ini menjadikan purata kos pembaikan dan tuntutan setiap kemalangan meningkat dari RM3,029 bagi 2003 kepada RM3,600 bagi 2004.

Secara amnya, kenaikan kadar kos pembaikan itu berpunca daripada peningkatan tahap kerosakan akibat kemalangan yang dilaporkan dan memerlukan kos yang lebih besar untuk dibaikpulih.

Justeru SPANCO memerlukan kerjasama pelanggan untuk mempertingkatkan lagi usaha dalam memastikan

- kadar kemalangan terus menurun
- kadar kerosakan pada tahap yang rendah

Kos yang dijimatkan itu boleh digunakan untuk mempertingkatkan lagi program keselamatan dan khidmat nilai tambah pelanggan.

Sementara itu, didapati insiden kemalangan serius yang membabitkan pemandu yang tidak sah semakin berleluasa. Sebagai peringatan, setiap kenderaan dilindungi polisi insurans komprehensif yang menjamin perlindungan terhadap

- kerosakan,
- kecurian, dan
- kebakaran

Namun perlindungan menyeluruh itu secara automatik terbatal dalam keadaan tertentu.

Iaitu perlindungan insurans terbatal jika didapati pemandu:

- memandu tanpa lesen yang sah
- berusia kurang 17 tahun
- memandu dalam keadaan mabuk, disebabkan arak atau dadah
- memandu di luar kawasan yang tidak dilindungi, dan
- mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau membunuh diri.

Terdapat juga pelanggan SPANCO yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), antaranya:

- kemalangan tidak dilaporkan
- membaiki sendiri kereta konsesi
- tidak membuat laporan polis
- lewat membuat laporan iaitu melebihi 24 jam dari masa kemalangan, dan
- lewat menyerahkan dokumen bagi urusan tuntutan insurans

Justeru menjadi tanggungjawab semua jabatan memastikan setiap kenderaan konsesi dipandu oleh mereka yang berkelayakan sahaja iaitu pemandu yang dibenarkan di bawah perjanjian konsesi.

SPANCO tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pelanggan yang didapati tidak mengambil berat tentang penjagaan kereta atau tidak mematuhi tatacara penggunaan kereta konsesi.



PERBANDINGAN JUMLAH SAMAN PDRM DAN SAIZ FLEET

SAMAN MENINGKAT

Walaupun jumlah kemalangan menurun tetapi jumlah saman sebaliknya. Saman keseluruhan terus meningkat iaitu bagi saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 19,647 kesalahan dicatatkan pada 2004 berbanding 13,839 kesalahan pada 2003.

Ini bermakna, secara purata setiap kenderaan konsesi menerima 3.97 saman pada 2004, meningkat daripada 2.91 saman pada tahun sebelumnya.

Kesalahan memandu melebihi had laju masih menjadi kesalahan yang terbanyak direkodkan oleh pemandu kenderaan konsesi iaitu hampir 95 peratus daripada jumlah saman keseluruhan.

Seperti yang pernah ditekankan, memandu melebihi had laju yang dibenarkan *(speeding)* adalah penyumbang utama kemalangan jalan raya. Maklumat Kementerian Pengangkutan mendedahkan 32 peratus daripada kemalangan maut yang berlaku adalah berpunca daripada memandu terlalu laju.

Ringkasnya, memandu terlalu laju menyebabkan pemandu hilang kawalan, kereta terbabas, kerosakan yang serius dan kemungkinan nyawa terkorban.

UCAPAN TAKZIAH DARIPADA SPANCO

UCAPAN takziah untuk isteri dan anak Allahyarham P/BM PKM Hussin bin Md Saat yang pulang ke rahmatullah pada 25 Januari yang lalu.

Allahyarham bersama tiga rakan setugas Tentera Laut Diraja Malaysia terlibat dalam kemalangan di KM 425 Lebuh raya Utara-Selatan pada 24 Disember 2003. Dalam tragedi itu, ketiga-tiga rakan Allahyarham terkorban manakala beliau sendiri mengalami cedera parah.

Allahyarham yang lumpuh seluruh badan menjalani beberapa siri rawatan selama setahun sebelum menghembus nafas terakhir.

SPANCO tumpang sedih dan simpati terhadap isteri dan anak Allahyarham di atas pemergian beliau dan turut mengucapkan takziah kepada kaum keluarga dan rakan seperjuangan beliau yang lain di TLDM.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat bersama orang-orang yang beriman.

Al-Fatihah

Peranan dan tanggungjawab pelbagai organisasi dalam meningkatkan **tahap keselamatan jalan raya**

KADAR kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dan membebankan semua pihak memerlukan tindakan bersepadu bagi menangani masalah yang semakin serius. Sebagai panduan, berikut adalah antara peranan dan tanggungjawab yang boleh dimainkan oleh mereka:

1. Kerajaan dan Sektor Awam

- Menyediakan rangka kerja pembangunan dan pelaksanaan polisi keselamatan jalan raya yang berkesan
- Menyediakan akauntabiliti yang tinggi dalam memenuhi objektif dan dalam memastikan penggunaan sumber yang berkesan
- Menyediakan dana bagi program

2. Pihak Berkuasa dan Kerajaan Tempatan

- Memainkan peranan utama menyusun usaha keselamatan jalan raya untuk agensi dan kumpulan masyarakat yang berkaitan
- Memastikan perancangan kemudahan mengambil kira keperluan masyarakat setempat
- Membiayai dan melaksanakan program dan inisiatif
- Memastikan polisi yang berkesan untuk menguatkuasakan undang-undang minuman keras

3. Sektor Pendidikan

- Mempromosikan pendidikan keselamatan jalan raya di peringkat sekolah dan prasekolah supaya amalan dapat ditanam daripada peringkat umur yang muda
- Mengadakan pertalian di antara sekolah dan agensi lain seperti Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya dan polis
- Membantu dalam pendidikan sepanjang hayat bagi pengguna jalan raya

4. Pihak Media

- Meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang faktor dan kos sebenar kemalangan jalan raya
- Menyokong inisiatif melalui laporan yang bertanggungjawab dan objektif
- Mempengaruhi perubahan masyarakat yang akan membawa kepada pemulihan tingkah laku dan sikap buruk pemandu

5. Polis dan Agensi Penguatkuasaan

- Memperbaiki tingkah laku pengguna jalan raya dan standard kenderaan melalui strategi pendidikan, galakan dan penguatkuasaan yang berkesan
- Memaksimumkan keberkesanan penguatkuasaan melalui sistem dan teknologi penguatkuasaan yang terbukti
- Mengekalkan tahap kemahiran yang tinggi dalam melaporkan kemalangan/kecederaan
- Menumpukan terhadap tingkah laku berisiko tinggi dan menggunakan data kecederaan dan kemalangan untuk mengenal pasti lokasi di mana penguatkuasaan mampu meminimumkan tingkah laku tidak selamat tersebut

6. Jurutera jalan raya dan pihak berkuasa lebuh raya

- Memberi keutamaan terhadap keselamatan dalam perancangan, reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan
- Menggunakan teknik pencegahan pelanggaran untuk menghasilkan rangkaian jalan raya yang lebih selamat
- Melakukan audit untuk memulihkan lokasi yang berbahaya serta tanda jalan yang mengelirukan/yang tiada

7. Industri Insurans

- Membantu dalam membangunkan, menaja dan membiayai program pencegahan
- Menyediakan insentif premium
- Memberikan maklum balas kepada kerajaan dan menyediakan kajian trend kemalangan untuk membantu membangunkan polisi

8. Pengeluar dan Pengimport Kenderaan

- Membaiki ciri-ciri tahan pelanggaran kenderaan termasuk perlindungan penumpang
- Memperkenalkan teknologi mengelak pelanggaran di dalam kenderaan
- Mengguna pakai kod pengiklanan yang menggalakkan ciri keselamatan
- Menghentikan import kereta yang terlibat dalam kemalangan - kenderaan ini perlu dibaiki di negara asal sebelum diimport masuk

Aktiviti dan program keselamatan jalan raya perlu konsisten dengan pelan peringkat kebangsaan dan diselaraskan dengan semua agensi yang terlibat.

- Setiap kenderaan import perlu menjalani pemeriksaan wajib sebelum dibenarkan dipandu di jalan raya Malaysia

9. Industri Pengangkutan Kenderaan Berat

- Mengguna pakai sistem penghantaran barang dan jadual pemanduan yang bertanggungjawab yang memberikan waktu rehat yang mencukupi
- Mencegah penyalahgunaan alkohol dan dadah serta mempromosikan amalan gaya hidup sihat di kalangan pemandu
- Memastikan standard kenderaan dan keselamatan muatan yang tinggi
- Meningkatkan pengurusan fleet secara profesional dan selamat

10. Sekolah Memandu

- Menyediakan tanda yang sewajarnya untuk semua kenderaan belajar memandu
- Membekalkan pelajar dan pemandu baru dengan kemahiran, sikap dan tingkah laku yang perlu untuk memandu dengan selamat
- Menaikkan taraf kemahiran pemandu, terutamanya pemandu kenderaan berat dan perkhidmatan awam
- Meningkatkan profesionalisme industri melalui pembangunan kod pengajar dan program latihan

11. Pengiklan

- Tidak menggalakkan iklan yang memuja atau mempromosikan amalan dan produk tidak selamat
- Menggalakkan amalan dan produk yang lebih selamat secara aktif

12. Badan Penyelidikan/Universiti

- Memastikan keseimbangan di antara kajian (teori) dan amalan (praktikal)
- Memastikan kajian bermutu tinggi, dan implikasinya dikenal pasti dan dipromosikan
- Membangunkan pangkalan data bermutu tinggi
- Menilai keberkesanan langkah untuk memastikan perbelanjaan yang kos efektif
- Menyediakan keputusan dan maklumat kajian yang mantap yang mana keputusan polisi boleh dibuat

13. Semua Organisasi Yang Terlibat

- Membangunkan polisi keselamatan dalaman bagi staf mereka termasuk bidang tanggungjawab
- Organisasi yang lebih besar boleh menggalakkan staf mereka menyertai kursus memandu defensif, atau menaja kursus di premis mereka sendiri

14. Individu Pengguna Jalan Raya

- Mempelajari pemahaman, kesedaran dan mengamalkan tingkah laku dan kemahiran yang lebih tinggi
- Menjadikan satu komitmen peribadi untuk meningkatkan keselamatan dengan mengamalkan tingkah laku yang lebih sopan dan bertimbang rasa serta prihatin terhadap keselamatan orang lain

Encik Samsuri Yahya, dari Kem Batu Kentonmen, Kuala Lumpur sedang memeriksa tekanan tayar kereta. Memastikan kenderaan sentiasa dalam keadaan baik merupakan tanggungjawab pemandu.

Tanggungjawab kita sebagai pemandu

Tanggungjawab adalah amanah yang perlu dipikul oleh setiap individu termasuk pemandu. Pemandu bertanggungjawab memastikan kenderaan selamat dan sempurna serta sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas

STATISTIK yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa mengenai kemalangan jalan raya amat membimbangkan dan wajar diberi perhatian oleh semua orang terutamanya pemandu.

Antaranya Ops Sikap VIII yang dilancarkan mulai 2 hingga 16 Februari 2005 sempena sambutan Tahun Baru Cina. Bayangkan terdapat 130 kematian yang dilaporkan dalam masa 10 hari pertama sahaja. Malah angka ini bertambah berbanding 112 kematian bagi tempoh yang sama semasa Ops Sikap VI tahun lepas.

Di senario antarabangsa pula, menurut laporan Bank Dunia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), seramai 1.2 juta nyawa hilang begitu sahaja di seluruh dunia akibat kemalangan jalan raya setiap tahun.

Kemalangan ini sebenarnya boleh dielakkan jika pihak yang bertanggungjawab khususnya pemandu membuat perancangan dan bekerjasama mematuhi tatacara, penjagaan dan undang-undang yang ada.

SIKAP PEMANDU MALAYSIA

Walaupun rakyat Malaysia terkenal dengan sifat yang peramah, beradab serta bersopan santun namun lain pula sikapnya ketika memandu. Antara sikap negatif yang perlu dikikis ialah:



Memeriksa kenderaan secara berjadual adalah salah satu amalan murni yang perlu diterapkan dalam diri setiap pemandu.

- Tidak sabar dan terburu-buru semasa memandu
- Memandu secara bahaya dan 'menempah maut'
- Tidak menjaga kenderaan dengan betul, walhal ia penting untuk keselamatan
- Tidak memikirkan keselamatan diri dan orang lain

Etika memandu di negara maju wajar dicontohi. Walaupun sibuk menjalani kehidupan harian, mereka masih mampu bersopan santun di jalan raya. Ada yang berpendapat mereka bersifat demikian kerana sudah dididik sejak kecil lagi untuk mematuhi peraturan lalu lintas dan sentiasa berhemah di jalan raya. Mungkin juga kerana 'sejarah' memiliki kereta lebih lama berbanding kita yang rata-rata adalah generasi pertama memandu kereta.

Faktor mempengaruhi berlakunya kemalangan

- Kenderaan
- Pemandu
- Cuaca
- Penglihatan
- Lalu lintas
- Keadaan jalan

Namun semua sikap buruk pemandu Malaysia boleh diatasi jika semua pihak sedar dan melaksanakan tanggungjawab penting masing-masing. Tinggal lima belas tahun sahaja lagi sebelum kita sampai ke tahun 2020 dan mencapai wawasan kebangsaan menjadi sebuah negara maju. Kita sewajarnya mengubah sikap dan menjadikan jalan raya kita lebih selamat untuk semua pengguna.

PEMANDU BERWAWASAN

Berikut adalah beberapa panduan untuk menjadi seorang pemandu yang lebih bertanggungjawab dan berstatus 'negara maju':

- Sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan undang-undang jalan raya
- Sentiasa memastikan kesejahteraan semua pihak dan tidak mementingkan diri sendiri
- Sentiasa menentukan kenderaan yang dipandu berada dalam keadaan baik demi keselamatan diri, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain
- Memastikan kenderaan yang dipandu mempunyai cukai jalan dan insurans kenderaan yang sah dan pemandu mempunyai lesen memandu yang sewajarnya
- Merancang perjalanan serta peruntukan masa yang mencukupi untuk rehat dan sebagainya
- Memandu dalam keadaan yang waras, segar dan tenang. Elakkan memandu semasa marah, mengambil alkohol, ubat atau pun makan terlalu banyak sebelum perjalanan
- Menyimpan kotak kecemasan dan alat pemadam api kecil di dalam kenderaan untuk digunakan jika sesuatu yang tidak diingini berlaku

Jangan menjadi sebahagian daripada statistik kemalangan jalan raya. Kita semua mampu mengawal dan mengubah pemanduan kita ke arah pemanduan yang lebih bijak dan selamat.

Petua mudah letak kereta

RAMAI pemandu yang masih takut dan ragu-ragu tentang cara meletakkan kereta dengan betul dan selamat.

Terdapat tiga posisi meletak kereta yang biasa dan di sini diberikan petua untuk melakukannya dengan mudah.

LETAK KERETA SELARI

Cara ini mungkin kelihatan sukar pada mulanya namun dengan latihan anda dapat melakukannya dengan yakin. Anda perlu tahu mengagak sama ada ruang meletak kereta cukup untuk kereta anda. Gambar rajah berikut menerangkan caranya:

1. Semasa menghampiri ruang kosong, perhatikan kenderaan di belakang anda. Guna brek perlahan-lahan dan berhenti dengan belakang kereta anda selari dengan kereta B. Jarakkan ruang anggaran 1 meter di antara kereta anda dan kereta B.

2. Undur perlahan-lahan dengan memusingkan stereng ke kiri sehingga kereta berada anggaran 45 darjah dengan bahu jalan. Stereng depan anda sekarang patut berada selari dengan bampar belakang kereta B.

3. Luruskan semula tayar depan anda. Terus undur sehingga hujung sebelah kiri bampar depan kereta anda selari dengan belakang kereta B.

4. Kemudian pusingkan stereng serta merta ke kanan sampai habis semasa berundur sehinggalah kenderaan anda selari dengan bahu jalan. Jaga jangan terlanggar kereta belakang.



5. Bawa kereta ke hadapan dan luruskan semula roda. Berhentilah di tengah-tengah kereta B dan C, tarik brek tangan.

Langkah semasa meninggalkan posisi letak kereta selari

- Undur habis tanpa menyentuh kenderaan di belakang
- Lihat semua cermin termasuk sisi dan belakang
- Hidupkan lampu isyarat ke kanan
- Sebelum bergerak ke hadapan, toleh ke arah bahu kanan untuk memerhatikan kenderaan yang tidak boleh dilihat melalui cermin
- Susur masuk ke jalan raya. Awasi kenderaan yang datang dari arah belakang

Keluar masuk kenderaan yang diletakkan selari

- Sebelum keluar kenderaan, lihat cermin terlebih dahulu untuk sebarang kenderaan atau basikal yang datang dari arah belakang
- Berhati-hati semasa membuka pintu, jangan buka terlalu luas dan segera tutup selepas masuk atau keluar kenderaan
- Hampiri kenderaan dari arah kenderaan yang datang semasa memasuki kenderaan anda

LETAK KERETA BERSUDUT

Cara letak kereta ini adalah yang paling kerap ditemui.



Ketika memasuki ruang letak kereta, jangan lupa

- Memasang lampu isyarat
- Jarakkan ruang anggaran 2 meter untuk memusingkan kenderaan anda masuk
- Luruskan tayar kenderaan anda selepas memasuki ruang letak kereta



Ketika meninggalkan ruang letak kereta, jangan lupa

- Undur dengan perlahan dan perhatikan kenderaan di belakang anda. Berhenti jika perlu.
- Jika kenderaan di sebelah anda lebih panjang daripada kereta anda, berhenti apabila belakang kereta anda selari dengan kenderaan yang lebih panjang. Kemudian undur perlahan-lahan sambil memerhatikan ke belakang anda.

LETAK KERETA BERBUKIT

Jangan lupa menarik brek tangan dan memasukkan gear rendah (transmisi manual) atau park (transmisi automatik) bagi mengelakkan kenderaan anda berundur ke belakang.



Jika anda meletakkan kereta menaiki bukit yang mempunyai bahu jalan, pusingkan tayar depan ke kanan dan biarkan kereta anda berundur sehingga roda kiri depan menyentuh bahu jalan.



Jika anda meletakkan kereta menaiki bukit tanpa bahu jalan, pusingkan roda depan ke kiri.



Jika anda meletakkan kenderaan arah turun bukit, ingat untuk sentiasa memusingkan roda depan anda ke kiri.

Samun kereta

Elak diri menjadi mangsa

Kes samun kereta atau carjacking semakin berleluasa. Penjenayah sentiasa mencari peluang untuk melakukan jenayah ganas ini.

ANDA boleh melindungi diri anda, keluarga serta kenderaan anda dengan mengetahui kaedah, tipu helah dan lokasi yang biasa digunakan oleh penyamun kereta.

Lokasi yang sering berlaku samun kereta

- Kawasan jenayah tinggi
- Jalan yang kurang dilalui (kawasan pendalaman)
- Persimpangan di mana kenderaan perlu berhenti
- Kawasan tersorok tempat meletak kereta
- Di kawasan perumahan dan di depan pintu pagar rumah
- Di jalan raya dan kawasan yang sesak

Sekiranya tidak dapat elak daripada berada di kawasan itu, ambil langkah waspada

- Sentiasa kunci keempat-empat pintu kereta anda semasa dalam perjalanan.
- Fikirkan laluan melarikan diri – jarakkan kenderaan anda dengan kenderaan hadapan untuk mudah meneruskan perjalanan anda.
- Semasa berhenti, gunakan cermin belakang dan sisi untuk memerhatikan kawasan sekitar bagi mengelak serangan kilat.

Tipu helah penyamun kereta

- *Langgar belakang* – Penjenayah melanggar kereta mangsa dari belakang. Mangsa keluar memeriksa dan bertanyakan kerosakan. Kenderaan mangsa disamun.
- *Kemalangan olok-olok* – Penjenayah melakonkan kemalangan dan kecederaan. Mangsa berhenti untuk membantu dan kenderaan mereka disamun.
- *Isyarat palsu* – Penjenayah memberi isyarat lampu atau tangan tentang kononnya ada kerosakan pada kenderaan mangsa. Mangsa berhenti dan kenderaan mereka disamun.
- *Perangkap* – Penjenayah memerangkap mangsa di rumah setelah membuat pemerhatian. Semasa mangsa menunggu pintu pagar dibuka, penyamun menghalang kereta mangsa dari belakang dan kenderaan disamun.

Jika kereta anda dilanggar dari belakang atau pemandu lain cuba memberitahu anda tentang masalah kenderaan anda, berhenti hanya apabila anda sampai ke tempat awam yang selamat.

Jika anda memandu masuk ke kawasan berpagar, telefon dahulu untuk pintu pagar dibuka. Tunggu di luar jalan sebelum pintu pagar dibuka untuk mengelakkan kemungkinan anda diperangkap.

Berhati-hati semasa memberi bantuan kepada mangsa kemalangan yang mencurigakan. Kadangkala lebih selamat jika anda menghubungi pihak polis dan membuat laporan tentang kemalangan.

Anda boleh mengelakkan diri daripada menjadi mangsa dengan mengetahui kaedah dan tipu helah penyamun serta jenis kereta yang sering disamun. Sentiasa bawa telefon bimbit bersama dan hubungilah seseorang sekiranya mengesyaki anda akan disamun.

SEKIRANYA KERETA ANDA DISAMUN

KESELAMATAN DIRI

Pergi ke tempat selamat serta-merta. Selepas serangan atau cubaan serangan, anda mungkin tidak dapat menumpukan perhatian kepada keselamatan diri anda. Berlindunglah di kawasan yang selamat sebelum menghubungi seseorang untuk melaporkan kejadian. Sentiasa bawa telefon bimbit bersama anda.

MELAPORKAN KEJADIAN

- Terangkan kejadian yang berlaku: bila, di mana, bagaimana, siapa yang terlibat.
- Terangkan rupa penyerang: tinggi, berat badan, parut atau tanda lain, warna rambut, bermisai atau berjanggut, saiz tubuh dan warna kulit.
- Terangkan kenderaan penyamun: dapatkan nombor kenderaan jika boleh, warna, buatan, model dan tahun serta apa-apa tanda (calar atau rosak) dan hiasan peribadi (pelekat, rim tayar, spoiler)
- Untuk membuat laporan yang berkesan, hanya berikan maklumat yang anda betul-betul ingat. Jika tidak pasti, jangan membuat tekaan.

BERWASPADALAH SELALU

Samun kereta boleh dielakkan jika anda berhati-hati dan menggunakan pertimbangan anda dalam menilai sesuatu keadaan. Ketahuilah kawasan yang selamat untuk melindungi diri jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Jika anda disamun, tindak balas terbaik kadangkala adalah jangan melawan. Matlamat anda adalah bukan untuk melawan penjenayah tetapi untuk menjaga nyawa anda!

20 tip keselamatan untuk wanita di tempat letak kereta

Tempat meletak kereta adalah antara sasaran popular penjenayah melakukan kegiatannya terhadap mangsa khususnya wanita. Di situ berlaku kes seperti culik, samun, rompak, rogol, serangan fizikal dan ragut. Paling bahaya ialah tempat letak kereta yang lengang dan tidak diawasi. Ikuti tip berikut untuk menjaga keselamatan anda ketika berada di tempat letak kereta.

1 **Pilih kawasan letak kereta yang terjamin selamat –** Jika anda mempunyai pilihan, letakkan kereta di kawasan yang mempunyai sistem keselamatan seperti kamera litar, peronda, peralatan interkom dan yang berpagar.

LEBIH SELAMAT... Pilihlah petak berhampiran pintu masuk jika boleh.

2 **Jalan terus dan jangan berlengah –** Sebaik saja keluar dari kereta, kunci dan terus beredar menggunakan laluan kenderaan ke destinasi anda. Jangan lalu di antara celah kenderaan di situ.

3 **Letak di petak berlampu –** Walaupun anda tiba waktu siang dan merancang pulang sebelum malam, kemungkinan untuk pulang lewat memang ada. Justeru, letak kereta di petak di bawah cahaya lampu terang.

4 **Pastikan kereta dikunci –** Pintu dan tingkap mesti sentiasa ditutup serta dikunci supaya penjenayah tidak boleh mencapai pemegang pintu dari luar kereta. Sejurus masuk ke dalam kereta, kunci segera pintu menggunakan kekunci pusat atau automatik.

5 **Masuk segera –** Buka pintu dan masuk ke dalam kereta dengan segera tanpa berlengah. Perbuatan menanggalkan kot atau menyusun barang yang dibawa masuk mendedahkan anda kepada bahaya diserang.

6 **Elak guna laluan tertutup –** Jika meletakkan kereta di petak bertingkat, lebih selamat untuk berjalan di atas ramp daripada menggunakan tangga yang tertutup.



AWAS... Imbas persekitaran terlebih dahulu semasa pulang ke kereta anda.

7 **Letak berhampiran pintu masuk –** Pilih petak paling hampir dengan pintu masuk ke bangunan.

8 **Sorok barang berharga -** Jangan biarkan barang berharga seperti dompet, komputer dan beg bimbit terbiar di atas kerusi atau dapat dilihat dari luar. Ini mengundang pencuri memecah cermin tingkap dan meragut barangan berharga itu. Sebaiknya, sorok atau simpan dalam but atau di tempat yang selamat.

9 **Tunggu sebentar -** Sebaik saja meletakkan kereta, jangan terus matikan enjin. Perhatikan persekitaran dulu. Jika anda selesa, barulah matikan enjin dan keluar dengan cepat.

10 **Tarik perhatian jika anda dihalang** - Jika kereta anda dihalang, tarik perhatian orang ramai dengan membunyikan hon, menghidupkan siren kecemasan atau menyalakan lampu hadapan.

11 **Imbas kawasan letak kereta –** Apabila hendak pulang ke kereta, imbas persekitaran terlebih dulu. Waspada terhadap individu yang mencurigakan terutama yang duduk di dalam kenderaan kerana mereka mungkin penjenayah yang menanti peluang atau merancang melakukan jenayah.

12 **Letak berhampiran laluan pejalan kaki –** Pilih petak berhampiran laluan pejalan kaki kerana penyamun akan takut untuk melakukan jenayah pecah masuk di laluan yang sibuk.

13 **Pastikan anda boleh melihat kereta –** Jika berhenti sebentar untuk membuat pembayaran melalui mesin bayar automatik (autopay), cuba letak paling hampir. Sediakan wang secukupnya supaya pembayaran dapat dilakukan dengan cepat.

14 **Keluarkan barang sebelum meletakkan kereta –** Jika anda perlu menghantar barang atau bungkusan, punggah dan turunkan di pintu masuk bangunan sebelum pergi meletakkan kereta anda. Cara begini adalah lebih selamat kerana anda tidak perlu berulang-alik ke tempat letak kereta.

15 **Jangan letakkan kereta di tempat tersorok –** Lori, van dan kenderaan berat lain menjadi tempat untuk penjenayah bersembunyi. Justeru, jangan letakkan kereta di sebelah kenderaan seperti itu.

16 **Kembali ke tempat selamat jika anda diekori –** Jika merasa anda diekori ketika hendak ke kereta anda, segera kembali ke tempat yang lebih selamat. Cuba minta bantuan kawan atau kenalan untuk menemani anda ke kereta.

17 **Pastikan kunci sentiasa di tangan –** Pegang kunci kereta sehingga anda sampai ke destinasi anda. Begitu juga ketika hendak kembali semula ke kereta; anda tentunya tidak mahu teraba-raba mencari kunci.

18 **Kunci dan terus beredar –** Sebaik saja masuk ke dalam kereta, kunci dan biarkan tingkap tertutup. Tingkap boleh diturunkan kemudian selepas anda memandu dan beredar dari kawasan itu.

19 **Lihat ke dalam dan bawah kereta –** Sebelum membuka pintu kereta, imbas ke dalam dan ke bawah kereta untuk memastikan tiada penjenayah masuk atau bersembunyi di situ.

20 **Cergas dan yakin –** Anda mesti sentiasa kelihatan cergas dan yakin ketika berada di tempat letak kereta. Kenal pasti arah pintu keluar masuk bangunan. Penjenayah sentiasa memerhati dan menunggu peluang untuk menyerang terutama mereka yang kelihatan lemah, sesat dan hilang arah.

Petua mudah menjaga kesihatan jantung anda

Senaman seperti berjalan kaki merupakan aktiviti untuk menguatkan otot jantung sekali gus mampu memperbaiki pengaliran darah ke jantung

KITA semua tahu bahawa jantung merupakan otot yang paling penting dalam tubuh dan ia adalah kunci kepada kesihatan tubuh kita. Untuk mengekalkan fungsinya dengan baik, kita digalakkan bersenam selain menjaga pemakanan, tidak merokok dan mengawal berat badan.

Aktiviti berjalan cukup mudah. Anda tidak memerlukan pakaian yang mahal atau menganggotai mana-mana kelab kesihatan. Berikut adalah cara anda memberikan lebih banyak masa lagi untuk berjalan:

- jika menggunakan pengangkutan awam, berhenti jauh sedikit daripada destinasi supaya anda dapat berjalan
- berjalan selama 15 minit sebelum memulakan pemanduan ke tempat kerja anda, jika anda memandu
- jangan gunakan lif untuk naik atau turun ke tingkat anda

Berjalan kaki banyak faedahnya:

- mengawal tekanan darah
- meningkatkan paras tenaga
- menurunkan paras kolesterol
- menguatkan otot tubuh dan tulang
- mencegah serangan jantung dan strok
- memulihkan tidur dan mencegah insomnia
- meningkatkan fungsi organ dan sistem ketahanan tubuh
- menyegarkan badan, meningkatkan kesihatan fizikal dan mental

Mulakan aktiviti berjalan kaki anda sekarang dan nikmati faedahnya serta merta.

PENYAKIT JANTUNG & PEMANDU

Kajian yang pernah dilakukan di Sweden dan Jepun mendapati, mereka yang bertugas sebagai pemandu lebih cenderung untuk gemuk, merokok, bekerja syif, kurang bersenam dan kurang sokongan dalam menjalankan tugas harian.

Kajian sekitar 90-an itu juga mendapati pemandu mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat penyakit koronari jantung berbanding pekerja kolar biru lain.

Pemandu Malaysia boleh mengambil ikhtibar daripada hasil kajian itu dengan mengamalkan kehidupan yang lebih sihat.

PERIKSA DULU
SEBELUM MEMANDU

PEMANDU berhemah ialah pemandu yang prihatin. Jangan lupa memeriksa kenderaan anda setiap kali sebaik sebelum memandu. Lakukan pemeriksaan senarai semak mudah berikut secara berjadual:

PARAS BENDALIR/CECAIR

- ☑ Bahan penyejuk
- ☑ Transmisi
- ☑ Minyak enjin
- ☑ Brek
- ☑ Pencuci cermin
- ☑ Stereng kuasa
- ☑ Petrol

- ☑ **Penapis udara:** Penapis yang kotor dan tersumbat meningkatkan penggunaan minyak.
- ☑ **Bateri:** Kebanyakan kereta terkandas disebabkan masalah bateri. Sementara itu, cuaca terlampau panas atau sejuk turut melemahkan kuasa bateri. Justeru, pastikan bateri dalam keadaan baik dan bersih.

PENGLIHATAN

- ☑ Pengelap cermin yang kotor mengaburkan penglihatan pemandu.
- ☑ Lampu yang terbakar mengelirukan pemandu lain.
- ☑ Isyarat yang rosak membantutkan komunikasi dengan pemandu lain.

- ☑ **Tayar:** Tekanan sempurna menjamin keselamatan di samping menjimatkan minyak. Putaran tayar (depan ke belakang dan sebaliknya) pada jarak berkala memanjangkan hayat bunga tayar.
- ☑ **Brek:** Perlu diperiksa dan diservis sebelum memulakan perjalanan jauh.

MUSTAHAK!
SERVIS KENDERAAN SECARA BERJADUAL

Hubungi (24 jam) Free PHONE SPANCO
1-800-88-6999
atau Pusat Servis Wilayah Segambut
03-6252 2999
untuk membuat temu janji.

Perdana V6 (EV) versi dipertingkatkan

MODEL Perdana V6 (EV) dengan versi dipertingkatkan kini berada di pasaran untuk peminat kereta mewah keluaran tempatan. Sungguhpun dengan penampilan baru bahagian luaran dan dalaman yang lebih menarik, harga kenderaan yang menjadi idaman ramai itu hanya mengalami kenaikan yang rendah dan masih kompetitif.

BAHAGIAN DALAMAN

BARU STERENG
Balutan kulit dan bulatan krom baru

BARU KEMASAN PINTU
Kemasan & trim baru yang secocok

BARU PANEL RADIO KASET
Kemasan gangsa

BARU PENUTUP KONSOL LANTAI
Kemasan warna baru & hiasan krom

BARU ALAS PERMAIDANI
Warna baru

BARU UPHOLSTERI KERUSI
Fabrik baru/warna kulit & reka bentuk - *beige*

BARU KAWALAN SUHU
Kemasan krom

BARU PANEL KONSOL TENGAH
Kemasan gangsa

BARU PEMEGANG CAWAN DEPAN & BELAKANG
Kemasan gangsa

BARU VISOR MATAHARI
PVC tabur hias

BARU TRIM BUMBUNG & TIANG
Bahan trikot

BAHAGIAN LUARAN

BARU WARNA KERETA
i) *Burgundy* – menggantikan Merah Tua
ii) *Midnight Blue* (warna lanjutan)

BARU RODA ALOI
Reka bentuk baru

BARU SPOILER PENUTUP BUT
Reka bentuk baru

UBAH SUAI ACUAN PELINDUNG BAMPAR DEPAN & BELAKANG
Krom

BARU JARING DAWAI
Perak

FUNGSI

BARU PENGESAN CERMIN PECAH
Ciri keselamatan tambahan

DIPERTINGKATKAN BUNYI BISING, GETARAN & KETIDAKSELESAAN
Bunyi dalaman yang lebih senyap

We've served over
1.8 million
customers...

and still welcoming more.

Whenever customers drop by at any EON showroom, they are warmly attended to by our trained and friendly staff. But that, is just the introduction to what ends as a relationship based on trust and commitment. Because at EON, we have many strengths that drives us above the rest. Our comprehensive array of products and services have made us an award-winning car distributor. And with our commitment to customer satisfaction, it's no wonder that EON has sold the most number of cars in Malaysia.

EON SALES · EON SERVIS · EON USED CARS · EON AUTO AUCTION · EON Fleet · Sahabat EON

customerservice@eon.com.my • Toll free: 1-800-88-3003

EON DRB-HICOM

Keselamatan Jalan Raya, Tanggungjawab Semua

Kikis sifat pentingkan diri sendiri dan tanamkan keperibadian yang murni. Gunakan jalan raya dengan lebih bertanggungjawab, nescaya kita semua akan selamat.

Jadikan Keselamatan Amalan Hidup Kita

Ikhlas daripada SPANCO